

# **Keusahawanan Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Di Malaysia**

*Sri Mas Zarith Mahmud<sup>1</sup>, Rohana Hamzah<sup>2</sup> & Amimudin Udin<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

---

**ABSTRAK :** Keusahawanan perlu diterapkan bukan hanya secara pengetahuan umum, malah ianya boleh digunakan sebagai elemen penting dalam pendidikan teknik dan vokasional. Istilah keusahawanan didalami terutamanya dalam konteks pendidikan teknik dan vokasional. Ciri-ciri keusahawanan dan rasional penerapan keusahawanan dalam pendidikan teknik dan vokasional dikaji. Oleh itu, artikel ini mengkaji mengenai keusahawanan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional.

**Katakunci :** *Keusahawanan & Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV)*

**ABSTRACT :** Enterprenuership should be implement not only as the basic knowledge but as important element in technical and vocational education. Enterprenuership term especially in technical and vocational education context must be understand deeply. Enterprenuer characteristics and the rationale of enterprenuership implementation in technical and vocational education are being studied. This article study about the enterprenuership in technical and vocational education.

**Keywords :** *Enterprenuership & Technical And Vocational Education*

---

## **1.0 PENGENALAN**

Pendidikan keusahawanan sangat berkait rapat dengan pendidikan teknik dan vokasional (PTV). Dalam Model Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, setiap IPTA di Malaysia seharusnya menerapkan kesemua tujuh elemen Kemahiran Insaniah (KI). Kesemua elemen KI ini adalah adaptasi dan diubahsuai daripada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (KPT, 2006). Keusahawanan merupakan salah satu daripada tujuh kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, serta kemahiran kepimpinan.

## **2.0 KEUSAHAWANAN**

Perkataan keusahawanan dalam bahasa Inggeris iaitu 'entrepreneur' berasal daripada bahasa Perancis 'entreprendre' yang bermaksud memikul atau mencuba. Shefsky (1994) membahagikan tiga perkataan dalam 'entrepreneur' kepada perkataan 'entre', 'pre' dan 'neur' dalam bahasa Latin yang membawa maksud apa juga bentuk perniagaan yang memerlukan persaingan. Istilah usahawan yang digunakan adalah daripada perkataan 'usaha'. Menurut kamus dewan, usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Keusahawanan ialah aktiviti yang mendatangkan manfaat melalui pembangunan perniagaan yang berorientasikan keuntungan (Cole, 1969). Schumpeter (1934) mendefinisikan keusahawanan sebagai syarikat

yang melaksanakan kombinasi baru bagi membangunkan produk dan perkhidmatan baru, sumber baru untuk bahan mentah, kaedah baru pengeluaran, pasaran baru dan organisasi berbentuk baru.

Tambahan pula, Kuratko & Hodgetts (1992) telah menyatakan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan usahawan iaitu seseorang yang mengorganisasikan, menguruskan, dan mengambil risiko perniagaan. Dollinger (1995) menyatakan bahawa kewujudan usahawan bukanlah satu fenomena baru kerana ianya telah lama muncul, tetapi konsep dan pelaksanaannya pada masa lalu dan sekarang adalah berbeza dari segi penciptaan dan penerokaannya. Kirzner (1979) mendefinisikan usahawan sebagai individu yang sentiasa berwaspada ke atas peluang-peluang perniagaan yang tidak disedari oleh orang lain. Usahawan akan mengambil tindakan secara imajinatif, kreatif, dan inovatif.

Keusahawanan juga didefinisikan sebagai kesediaan individu untuk merebut peluang tanpa mengambil kira sumber semasa yang ada dalam kawalannya (Stevenson, Roberts & Grousbeck, 1989). Menurut Dollinger (1995), keusahawanan ialah pembentukan syarikat ekonomi yang inovatif bagi tujuan keuntungan atau perkembangan serta kesediaan untuk berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian. Jeffrey Timmons (1989) menyatakan keusahawanan ialah kebolehan untuk menghasilkan dan membina sesuatu daripada sesuatu yang tiada. Ianya adalah memulakan, melakukan, mencapai dan membina perusahaan ataupun organisasi daripada hanya melihat, menganalisis atau menerangkan. Peluang dicari serta memerlukan kebolehan membina pasukan untuk melengkapkan kemahiran dan bakat. Ianya juga adalah tahu bagaimana mengawal sumber dan memastikan sumber kewangan sentiasa berkeadaan baik. Keusahawanan menurut beliau lagi ialah kesanggupan untuk mengambil risiko dan bersedia melakukan segalanya bagi mendapatkan sesuatu.

Menurut Harbison dan Myers (1964), pengusaha merupakan mereka yang melakukan fungsi-fungsi penting dalam pembangunan ekonomi yang merupakan agen manusia yang diperlukan untuk memobilisasi modal, mengeksploitasi sumber daya alam, menjadikan pasaran dan melakukan perdagangan. Joseph Schumpeter (1934) percaya bahawa ekonomi itu didorong oleh kegiatan orang-orang yang ingin mempromosikan barang baru dan kaedah-kaedah baru pengeluaran, mengeksploitasi sumber baru bahan atau pasaran baru. Ianya bukan hanya dengan tujuan keuntungan tetapi juga untuk tujuan penciptaan. Selain itu, Arthur W Lewis (2003) berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi akan lambat melainkan sekiranya terdapat bekalan idea-idea baru pengusaha yang sanggup mengambil risiko. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat menunjukkan hubungan yang positif antara pembangunan ekonomi dan keusahawanan.

Adalah dirasakan bahawa keusahawanan itu sendiri adalah pemikiran seseorang yang terbuka untuk melakukan atau membangunkan sesuatu perkara atas daya usahanya sendiri samada perniagaan mahupun perkara lain dengan kesanggupan menerima risiko terhadap apa yang diusahakannya itu.

## **2.1 Ciri Keusahawanan**

Semasa bengkel bertajuk Pembelajaran untuk Kehidupan, Kerja dan Masa Depan (LLWF) di Bostwana pada tahun 2000, ciri-ciri usahawan yang dapat dikenalpasti terdiri daripada kreatif dan imiginasi, bebas dalam pemikiran dan tingkah laku, kebolehan mengambil inisiatif, percaya kepada diri dan optimisme, kebolehan untuk menerima tanggungjawab, berkemahiran sosial, kemampuan untuk mengambil keputusan dengan ketidakpastian, kebolehan untuk menilai dan mengambil risiko, fleksibel, tekad untuk berjaya, kebolehan menyelesaikan masalah serta kemampuan bekerja keras. Ciri-ciri ini akan menghasilkan usahawan yang

berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengenalpasti peluang perniagaan, menguruskan sumber perniagaan, memulakan perniagaan, dan mengambil risiko.

## **2.2 Keusahawanan Dalam Pendidikan PTV**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu yang dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara. Bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat mengembangkan potensi ini seterusnya memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bidang keusahawanan ini boleh diterapkan ke dalam bidang pendidikan terutamanya bidang pendidikan teknik dan vokasional. Rakyat tidak boleh hanya bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan ekonomi kerana budaya kerja di Malaysia pada waktu ini adalah lebih kepada bekerja dengan pihak swasta ataupun bekerja sendiri.

Dalam sektor pendidikan teknik dan vokasional, terdapat kemudahan, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk sebarang kerja samada mekanik, elektronik, automasi, pakaian, grafik, pertanian dan macam-macam lagi. Akibat globalisasi dunia, kesemuanya berubah dengan pantas dalam bidang perindustrian, pembuatan dan sebagainya (Jeffrey Timmons, 1989). Maka, sesuatu tindakan perlu diambil bagi rakyat Malaysia mudah mendapatkan pekerjaan. Bagi Cathleen (2006), keusahawanan merupakan satu tindakan kreatif yang menyebabkan usahawan menjadi orang yang membawa perubahan. Menurut beliau lagi, keusahawanan memberi tindakbalas yang kreatif dan inovatif kepada persekitaran seterusnya tindakbalas ini akan menghasilkan pengenalan kepada produk dan perkhidmatan baru kepada ekonomi.

Pendidikan keusahawanan yang dijadikan sebahagian daripada kurikulum PTV merupakan tindakan bijak untuk mengajar pelajar mengenai perubahan. Pendidikan PTV ini dapat mengajar pelajar untuk berubah bukan takut kepada perubahan kerana mereka yang takut berubah hanya akan duduk dalam zon yang selesa dan menyukarkan mereka untuk berjaya. Tambahan pula, menurut Cathy (2005), pendidikan keusahawanan juga adalah mengenai mempunyai daya hidup selain mengajar pelajar untuk memulakan perniagaan. Pelajar juga didedahkan dengan belajar mengambil risiko, mengurus dan belajar daripada hasil akhir. Usahawan cintakan apa yang mereka lakukan. Mereka akan cecak sekiranya menerima cabaran dalam perniagaan.

## **3.0 Rasional Keusahawanan Dalam PTV**

Ashmore dan Printz (1983) menyatakan pendidikan teknik dan vokasional bertujuan menjadikan pelajar-pelajar sebagai pekerja. Pendidikan keusahawanan amat penting dibangunkan dan digabungkan sebagai satu yang berbeza dengan mata pelajaran lain tetapi selari dengan semua program pendidikan teknik dan vokasional. Menurut mereka lagi, terdapat beberapa rasional terhadap perlunya pendidikan keusahawanan dalam pendidikan PTV ini iaitu:

1. Pendidikan keusahawanan pada asasnya adalah amat berkurangan di sekolah-sekolah. Pendidikan keusahawanan yang wujud hanya dimasukkan ke dalam kursus yang sedia ada atau dalam program disiplin vokasional.
2. Secara umumnya, pendidik-pendidik menyediakan individu sebagai pekerja dan bukannya sebagai majikan. Oleh sebab itu, adalah perlu satu program diadakan untuk membantu mendidik pekerja-pekerja sebagai majikan.

3. Pendidikan kerjaya kurang berkesan untuk memberi sumbangan dalam menyedarkan individu terhadap bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.
4. Kandungan program keusahawanan mestilah berasaskan penemuan kajian.
5. Latihan untuk membentuk seseorang usahawan meliputi tiga bidang utama iaitu kesedaran untuk memupuk personaliti seseorang usahawan, pengetahuan mengenai apa yang diperlukan bagi mendirikan suatu perniagaan dan penggunaan prinsip-prinsip keusahawanan bagi mengelola dan menguruskan sesebuah perniagaan.
6. Menyedia dan mendapatkan bahan-bahan pengajian dari pihak kerajaan serta badan-badan penerbit perniagaan bagi menyediakan sumber utama pengajaran harian di bilik darjah.

Ida Kamalawati (2008) pula menyatakan rasional pendidikan keusahawanan dalam PTV iaitu seperti:

1. PTV menyediakan pelajar untuk mudah diterima bekerja dalam sesebuah organisasi.
2. Pelajar yang berhasrat memulakan perniagaan akan mengikuti laluan karier yang berlainan dan memerlukan kemahiran yang berbeza-beza yang perlu diterapkan khusus dalam pendidikan keusahawanan.
3. Kemahiran keusahawanan merupakan pendidikan sampingan. Maka, ianya perlu sebagai elektif dalam program pendidikan.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Kemahiran keusahawanan perlu diterapkan ke dalam diri setiap individu terutamanya pelajar supaya mereka dapat berdikari untuk mencari peluang pekerjaan selepas tamat tempoh pembelajaran. Kemahiran ini penting bukan sekadar untuk mudah diterima bekerja di bawah majikan, tetapi bekerja sendiri dengan kesanggupan menerima risiko terhadap sesuatu yang diusahakan. Kemahiran ini penting terutamanya dalam pendidikan teknik dan vokasional iaitu selari dengan matlamat PTV dalam memenuhi permintaan industri.

## RUJUKAN

Cole, A. J., ed. (1969). *Numeric Taxonomy*. London

Dollinger, M. J. (1995). *Entrepreneurship: Strategies and Resources*. Irwin, Boston, MA.

Harbison, F. and Myers, C. A. (1964). *Education, Manpower, and Economic Growth*. New York: McGraw Hill Book Co.

Ida Kamalawati Abu Bakar (2008). *Entrepreneurship Traits among Technical Students*.

Kirzner, I. (1979). *Procedur, Enterprenuer and the Right to Property: In Perception, Opportunity, and Profit*. Chicago: University of Chicago Press.

Kuratko D. F. & Hodgetts R. M. (1992). *Entrepreneurship: a Contemporary Approach*. 2nd Ed. Orlando: The Dryden Press.

Lewis, William Arthur (2003). *The Theory of Economic Growth*. London: Taylor and Francis, 453 pages

Schumpeter, J. A. (1934). *The theory of economic development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Shefsky, Lloyd, E. (1994). *Entrepreneurs are made not born*. New York: McGraw Hill.

Stevenson, H., Roberts, M. & Grousbeck, I. (1989). *New Bussiness Ventures and the Entrepreneur*.

Timmons, J. A. (1989). *The Entrepreneurial Mind*. Brick House Pub. Co.